

Headline	Dapat sambutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	455 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,978



## Tabung Rohingya Utusan-Tabung Haji Dapat sambutan

Oleh **AZIZI SAMSUDAIN**

pengarang@utusan.com.my

### ■ KUALA LUMPUR 1 DIS.

**T**ABUNG Rohingya Kumpulan Utusan dan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang digerakkan pada Perhimpunan Agung UMNO 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini mendapat sambutan menggalakkan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, ramai perwakilan, pemerhati serta pengunjung yang hadir pada perhimpunan terbesar parti itu mengambil kesempatan menghulurkan bantuan kepada etnik Rohingya di Myanmar yang kini berada dalam kesusahan.

Ketika ditemui, pemerhati dari Permatang Pauh, Pulau Pinang, **Rosezita Amir**, 49, berkata, inisiatif yang dilaku-

kan oleh *Utusan* dan Tabung Haji itu adalah langkah tepat kerana orang Melayu sedang berhimpun di bawah bumbung yang sama.

“Sekurang-kurangnya yang datang dari kampung berpeluang menghulurkan sumbangan sebab kalau bukan kita yang bantu orang Islam di sana, siapa lagi?”

“Langkah ini juga menunjukkan rakyat Malaysia ialah kelompok masyarakat yang prihatin dan boleh dicontohi oleh kebanyakan negara luar,” katanya yang turut memberikan sumbangan kepada tabung itu hari ini.

Sementara itu, seorang pengunjung dari Damansara, Selangor, **Norazreen Mohd. Azmi**, 27,

berkata, tabung yang digerakkan di PWTC itu mencerminkan ketegasan rakyat dan kepemimpinan negara membantah kekejaman yang berlaku terhadap orang Islam.

Seorang pekerja swasta, **Azrul Idham**, 31, pula berkata, dia berharap penindasan terhadap etnik Rohingya dapat diselesaikan oleh pihak bertanggungjawab dengan segera.

“Kita hanya boleh menyumbang dalam bentuk wang ringgit tetapi pihak yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah itu perlu bertindak tegas bagi membolehkan semua umat Islam bukan sahaja etnik Rohingya hidup dalam keadaan aman,” tegasnya.

Headline	Dapat sambutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	455 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,978



**ROSEZITA AMIR**



**NORAZREEN MOHD. AZMI**



**AZRUL IDHAM**

Headline	Dapat sambutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	455 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,978



**MENTERI** Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyumbang untuk Tabung Rohingya Utusan -Tabung Haji sambil diperhatikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas dan Ketua Pengarang Kumpulannya, Datuk Abdul Aziz Ishak di bilik operasi *Utusan Malaysia* di PWTC, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/  
WAHIDAH ZAINAL